

Uji kematangan minda bakal pengantin kurangkan kes cerai

Kerajaan disaran mewujudkan satu ujian bagi menguji tahap kematangan minda dan emosi setiap pasangan sebelum membenarkan mereka berkahwin.

Ujian sebegini dilihat penting supaya pasangan dapat mengetahui pasangan masing-masing, memandangkan mereka bakal menjalani kehidupan bersama sehingga akhir hayat.

Langkah ini diharapkan mampu mengurangkan kadar perceraian berikutan pendedahan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh bahawa kebanyakan kes yang difailkan disebabkan faktor yang bersifat remeh membabitkan satu pertiga pasangan yang usia perkahwinan mereka kurang dari lima tahun.

Kajian Penduduk Malaysia Kelima oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 2014 menunjukkan punca perceraian bagi lelaki yang direkodkan ialah tiada persefahaman (56.2 peratus), isteri curang (11.8 peratus) dan campur tangan mentua atau ipar (10 peratus).

Bagi wanita pula, soal tiada persefahaman mencatat sebanyak 38 peratus, suami curang (20.5 peratus) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2 peratus).

Kematangan mental

Jika diteliti punca perceraian yang dijadikan alasan seperti isteri suka ikuti rombongan, isteri suka basuh baju pada waktu malam, suami tidak suka isteri makan dalam kereta dan berbeza fahaman politik,

boleh dikatakan mempunyai kaitan rapat dengan kematangan mental dan emosi pasangan.

Perceraian tidak seharusnya berlaku jika wujud persefahaman dan kematangan tinggi antara pasangan terbabit.

Setiap orang mungkin memiliki latar belakang yang baik dan sempurna, tetapi belum tentu memiliki kematangan yang menyamai kepandaian mereka.

Dalam konteks rumah tangga, kematangan bermakna suami isteri perlu memiliki sikap toleransi, kesabaran, hormat menghormati, bantu membantu, percaya mempercayai dan lain-lain.

Kematangan juga bermakna memahami tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul pasangan suami isteri.



Langkah diharap kurangkan perceraian berikutan pendedahan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh kebanyakan kes difail disebabkan faktor bersifat remeh babitkan satu pertiga pasangan berkahwin kurang lima tahun”

Apabila berlaku perceraian, impak bukan hanya membabitkan pasangan, tetapi juga anak apabila terpaksa berpisah daripada adik beradik.

Anak mangsa perceraian mudah rasa bersalah, malu dan hilang keyakinan diri dibimbangi boleh menyebabkan mereka terbabit dalam masalah sosial atau jenayah.

Sehubungan itu, penting setiap pasangan yang mahu berkahwin memiliki kematangan mental dan emosi dan ujian mengenainya boleh dilakukan pihak kaunselor atau pakar perubahan.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah & Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia

Rabu, 21 November 2018 **BH**

Fakta
nombor

56.2 PERATUS

tiada persefahaman punca cerai bagi lelaki pada 2014

11.8 PERATUS

isteri curang punca cerai pada 2014

38 PERATUS

tiada persefahaman punca cerai bagi perempuan pada 2014

20.5 PERATUS

suami curang punca cerai pada 2014